



Hj. Rahim pulang, nak temui PM dalam seminggu

KUALA LUMPUR. Selasa — Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu Bakar, hari ini membayangkan beliau akan terus mengekalkan kedudukannya sekurang-kurangnya buat beberapa waktu sehingga keadaan benar-benar mahukan beliau berundur.

Sepulangannya dari menunaikan fardu haji, beliau memberitahu para pemberita, beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Ketua Perhubungan UMNO Pahang bagi membincangkan kedudukannya dalam masa seminggu ini.

Ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang disambut oleh kira-kira 1,000 orang penyokongnya yang datang secara bersendirian dari Kuantan, Bentong, Raub, Jerantut dan Lipis.

Berehat

Haji Abdul Rahim berkata: "Sebelum saya berlepas ke Mekah, saya tidak mengetahui sebarang perubahan dan kini juga saya tidak menerima apa-apa maklumat mengenai kedudukan saya.

"Apa yang saya ketahui, saya mengambil cuti untuk menunaikan fardu haji dan selepas pulang tentunya saya akan kembali memegang jawatan saya."

Beliau bagaimanapun belum dapat dipastikan bila akan bertugas semula sebagai Menteri Besar Pahang.

Beliau memberitahu,

buat sehari dua ini akan berehat tetapi menekankan yang beliau akan bersikap 'tunggu dan lihat' sebelum memutuskan sesuatu.

Mengenai kemungkinan kepulangan awalnya disebabkan keadaan memaksanya, beliau berkata: "Saya tidak menerima sebarang arahan rasmi menghendaki saya pulang segera.

Saya selamat menunaikan fardu haji dan kebetulan tercapat penerbangan pulang ke tanahair, jadi saya pun pulanglah."

Sultan

Menteri Besar Pahang itu juga menafikan kononnya pemergian beliau ke Mekah adalah untuk 'menyejukkan' suasana politik yang kini hangat diperkatakan di samping memberikan peluang kepada UMNO Pusat untuk membetulkan keadaan.

"Saya ke Tanah Suci semata-mata untuk menunaikan haji dan bukan kerana sebab-sebab lain," tegasnya.

Mengenai perjumpaannya dengan para pemimpin tertinggi UMNO yang akan membincangkan kedudukannya sebagai Menteri Besar Pahang, beliau menerangkan: "Saya tidak mempunyai harapan kerana ia akan mengecewakan sekiranya harapan itu tidak tercapai."

Haji Abdul Rahim juga enggan mengulas mengenai pendiriannya sekiranya beliau ditawarkan satu jawatan di Kerajaan Pusat.

"Tentunya saya akan mengkaji dari semua segi sebelum menerimanya," katanya.

Ketika diminta mengulas desas-desus menyatakan kemungkinan jawatannya ditawarkan kepada Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib Tun Razak, beliau yang enggan mengulas hanya berkata: "Itu sesuatu yang menarik."

Beliau juga enggan mengulas komentar Tunku Abdul Rahman yang inginkan supaya Sultan tidak campur tangan dalam hal-hwal politik untuk menghidupkan timbulnya krisis perlembagaan.

Sementara itu, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pahang, Tengku Mustapha Tengku Seti yang turut menjemput kepulangan Haji Abdul Rahim memberitahu para pemberita, Menteri Besar mempunyai pengaruh ke atas ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang.

"Bolehlah saya katakan di sini bahawa sebahagian besar dari mereka memberikan sokongan kepadanya," jelasnya.

Mengenai Pahang mungkin kehilangan seorang tokoh politik sekiranya Haji Rahim berundur dari jawatannya, beliau berkata: "Soal kehilangan tokoh ini tidak harus timbul kerana Haji Rahim tetap kekal menjadi pemimpin UMNO Pahang."

Sumber-sumber di sekitar beliau juga yakin Haji Rahim akan kekal memegang jawatannya sebagai Menteri Besar Pahang.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia